

26 MAR 2004

Pas-Pilihan raya

KEPUTUSAN P/RAYA 2004 BUKAN YANG PALING TERUK BAGI PAS

PETALING JAYA, 26 Mac (Bernama) -- Keputusan pilihan raya 2004 pastinya buruk bagi PAS, tetapi ia bukan yang paling teruk, kata anggota jawatankuasa pusat PAS Datuk Kamaruddin Jaffar.

Beliau berkata, kejayaan PAS mengekalkan kerajaan negeri Kelantan pada kali ini merupakan pencapaian besar memandangkan inilah kali pertama mana-mana parti pembangkang dapat berkuasa di negeri itu untuk lebih daripada tiga penggal.

"Bagi Terengganu, PAS dapat berkuasa selama satu penggal penuh, mengatasi rekod sebelumnya iaitu pemerintahan selama dua tahun pada 1959-61," kata beliau dalam forum "Pilihan Raya Umum 2004 : Apa Yang Menanti" di Menara Star di sini, hari ini.

Kamaruddin, yang memenangi kerusi Parlimen Tumpat, merupakan antara empat anggota panel dalam forum yang dianjurkan bersama oleh akhbar The Star dan Pusat Asia bagi Kajian Media.

Anggota panel yang lain ialah aktivis sosial, Dr Chandra Muzaffar, Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia Prof Datuk Shamsul Amri Baharuddin dan penganalisis dasar Institut SEDAR Ong Kian Ming.

Kamaruddin berkata apa yang menjejaskan PAS dan Keadilan pada pilihan raya kali ini ialah persempadanan semula kawasan pilihan raya, yang mewujudkan lebih banyak kerusi pilihan raya dengan pengundi daripada pelbagai kaum dan ini tidak memihak kepada Pas.

"Satu kajian oleh Universiti Sains Malaysia (USM) menunjukkan, buat pertama kali, berbanding tiga proses persempadanan semula sebelum ini, kerusi-kerusi yang jelas majoriti Melayu telah dikurangkan di sebalik ditingkatkan," kata beliau lagi.

Beliau berkata, satu lagi perkara yang tidak memihak kepada PAS ialah apa yang ia dakwa sebagai "penyelewengan jelas oleh Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) serta agensi-agensi kerajaan yang lain".

"Peratusan keluar mengundi yang tinggi di Terengganu (87.43 peratus), Perlis (83.27 peratus), Kedah (80.93 peratus) dan Kelantan (80.84 peratus)

adalah sesuatu yang luar biasa dan menunjukkan kemungkinan manipulasi dalam proses pendaftaran pengundi," kata Kamaruddin.

Beliau berkata hakikat beberapa calon pembangkang yang tewas menang selepas kiraan semula undi meningkatkan lagi syak kemungkinan berlaku penipuan semasa pengiraan undi.

Kamaruddin berkata pada pilihan raya umum kali ini, tinjauan oleh partinya menunjukkan anggota Umno mengundi bagi BN, kebanyakan daripada anggota PAS mengundi untuk PAS tetapi ada juga sebilangan mereka yang mengundi untuk BN ataupun tidak mengundi dan golongan pengundi dalam usia lanjut mengundi BN kerana imej Islam yang ditampilkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Satu lagi penemuan dalam tinjauan itu ialah pengundi muda juga mengundi bagi BN, mungkin kerana isu Datuk Seri Anwar Ibrahim yang semakin luput, dan katanya lagi kewujudan pengundi hantu dipercayai berlaku pada skala besar kali ini.

Kamaruddin berkata prestasi buruk Pas juga disebabkan oleh faktor lain seperti kejadian 11 Sept 2001 yang menimbulkan ketakutan terhadap keganasan yang dikaitkan dengan Islam dan pengunduran Tun Dr Mahathir Mohamad daripada jawatan Perdana Menteri dan pakatan pembangkang yang lemah kali ini.

Beliau juga mendakwa pelbagai bentuk halangan dikenakan terhadap parti-parti pembangkang khasnya PAS dan Keadilan yang termasuk penggunaan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan pemantauan rapi terhadap kakitangan awam turut menyumbang kepada prestasi buruk parti itu.

"Kami tidak dapat mengadakan ceramah dengan bebas sejak tiga tahun lepas. Kita tidak dapat menjanakan momentum, apa lagi mengekalkan dan memperkukuhkannya menjelang hari pengundian, kami sedar, dalam realiti, kami `underdog'," katanya.

-- BERNAMA  
AT AHH PR